



HIJAB SEBAGAI POLITIK, KULTUR BUDAYA DAN AGAMA DALAM KALANGAN WANITA MALAYSIA: SATU KAJIAN

¹ Faiz Hadi Sanadi

*Pusat Akidah Dan Keamanan Global
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: mohdfaizhadi@gmail.com

² Ahmad Syahmi Mohamed

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: ahmad94terpuji@gmail.com

Abstrak - Aurat merupakan sebahagian badan yang wajib di tutup sama ada di kalangan lelaki atau perempuan. Ayat-ayat mengenai kewajipan menutup aurat ini telah lama termaktub di dalam al-Quran malah turut dinyatakan ancaman bagi golongan yang mengabaikannya. Namun, antara perkara yang dipandang serius mengenai aurat ini ialah penggunaan hijab dalam kalangan wanita khususnya bagi wanita di Malaysia. Penggunaan hijab pada zaman ini lebih memfokuskan kepada trend di mana penggunaannya lebih tertumpu kepada fesyen, faktor politik dan agama. Persoalannya, bagaimana penggunaan hijab ini diaplikasikan dalam bentuk fesyen, politik dan agama. Oleh itu, untuk melihat aplikasi berkenaan dengan penggunaan hijab ini, satu kajian khusus berkenaan dengan hijab ini perlu di lakukan untuk melihat maksud sebenar mengenai hijab serta faktor-faktor yang mendorong dalam penggunaan hijab tersebut. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen di mana jurnal-jurnal dan buku-buku yang berkaitan dikumpulkan dan dikaji dengan lebih mendalam. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan hijab di kalangan wanita Malaysia ini didorong oleh beberapa faktor seperti penggunaannya hanya untuk berfesyen. Kedua, untuk mendapat sokongan dari sudut politik dan ketiga, suruhan dan ketaatan kepada agama. Kesimpulannya, hijab merupakan salah satu kewajipan umat Islam untuk menjaganya.

Kata kunci: Aurat, Kultur Sosial, Kultur Sosial Politik, Kultur Sosial Agama.

1. PENDAHULUAN

Hijab atau tudung merupakan salah satu pakaian yang digunakan oleh wanita sejak zaman dahulu lagi. Ini dapat dilihat seperti mana suruhan mengenai penggunaan hijab yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Namun, dengan berlalunya zaman dan perubahan waktu, dapat dilihat bahawa penggunaan hijab juga turut terkesan. Seperti mana yang diketahui, hijab pada zaman dahulu digunakan untuk menutup aurat dan membezakan antara wanita Islam dengan bukan Islam. Namun, pada zaman kini, dapat dilihat bahawa hijab bukan sahaja digunakan untuk menutup aurat, malah turut dijadikan salah satu fesyen pada masa kini. Kemunculan pelbagai fesyen hijab ini turut dijadikan ikutan terutamanya golongan muda. Berfesyen dalam hijab ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada anak-anak muda khususnya bagi wanita. Pada masa kini, hijab telah mengalami pelbagai perkembangan dan ini sangat berbeza dengan penggunaan hijab pada zaman dahulu. Isunya ialah hijab pada zaman kini kebanyakan tersasar dari konsep syariah dan mempunyai agenda tersendiri seperti hijab dijadikan sebagai fesyen. Hijab sering kali diperagakan di khalayak ramai dengan gaya dan corak yang tersendiri, malah ada yang menggunakan hijab berdasarkan sesuatu

majlis seperti majlis pernikahan, pengajian dan sebagainya. Di sebalik dalam memperagakan hijab, dapat dilihat bahawa antara kesan yang dilarang oleh Islam ialah menarik perhatian kaum lelaki dan menimbulkan syahwat.

Golongan ini boleh dikategorikan sebagai *tabarruj*. *Tabarruj* secara ringkasnya bermaksud berhias diri. Dalam konsep Islam, *tabarruj* ialah sesuatu perbuatan wanita memakai atau memperagakan pakaian yang indah sehingga dapat menarik minat lelaki terutamanya dari sudut syahwat dan boleh diertikan juga sebagai mendedahkan perhiasan diri bagi seorang wanita. Selain itu ramai daripada ulama-ulama Islam yang mendefinisikan perkataan *tabarruj* mengikut kefahaman masing-masing. Menurut petikan daripada Ibnu Kathir, beliau mengulas ayat *tabarruj* dengan makna: “Wanita yang meletakkan penutup (kain selendang) di atas kepalanya dan tidak mengikatnya sehingga boleh dilihat leher dan segala perhiasannya, termasuklah rantai di lehernya. Makna *tabarruj* dihuraikan juga oleh Abu Al-‘a’lā Al-Maudūdiy (2009) secara *harfiah* dengan makna penzahiran, pengunggulan dan peninggian yang berasal daripada perkataan *تبرج*. Secara ringkasnya, beliau menerangkan perkataan tersebut dengan sesuatu yang zahir dan ditinggikan sifat yang ada padanya. Beliau juga menekankan tiga makna penting bagi perkataan *tabarruj* yang dikaitkan dengan pemakaian wanita. Pertama, untuk memperlihatkan kecantikan wajahnya dan faktor-faktor penarik yang ada pada tubuh badannya kepada golongan ajnabi atau bukan *mahram*. Kedua, bagi menayangkan kecantikan pada pakaian dan barang perhiasan yang ada padanya. Ketiga, untuk menunjukkan kepada mereka iaitu golongan lelaki (*ajnabi*) caranya berjalan berserta gaya yang tersendiri. Kesemua pembahagian di atas turut dibincangkan oleh beberapa tokoh sarjana silam dalam bidang bahasa dan tafsir seperti Mujahid, Qatadah dan Ibn Abi Najih yang menyatakan:

التبرج هو المشي بتبختر، وتكسر، وتغنج.

Maksudnya:

Tabarruj adalah mengenai seseorang yang bersiar-siar memakai wangian dan memakai kasut bertumit (bagi menarik perhatian).

II. PERNYATAAN MASALAH

Selain itu, menurut Ibnu Manẓūr (2010) *tabarruj* secara istilahnya bermaksud penzahiran atau menunjuk setiap perhiasan yang mendatangkan syahwat lelaki. Definisi yang sama juga dicatat dalam kamus-kamus besar bahasa Arab seperti *Al-Sihhah fi Al-Lughah* yang di karang oleh Muhammad Abdul Latif & Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid Al-Subkiy (2010) dan juga *Al-Qāmūs Al-Muhīt* yang dikarang oleh Muhammad bin Ya’kub Al-Fairūzabādī (2005), namun berbeza sedikit sama ada perkara tersebut (menampakkan perhiasan) bagi menaikkan syahwat lelaki atau tidak. Terdapat satu lagi istilah yang berkait rapat dengan perkataan *tabarruj* dalam perbahasan syarak mengenai iaitu *sufūr* yang membawa maksud mendedahkan wajah. Abu Zaid (2005) telah menghuraikan bab ini dengan menyatakan bahawa *tabarruj* lebih umum berbanding *sufūr*. Beliau telah memberi keterangan bahawa *sufūr* merupakan perbuatan yang khusus iaitu mendedahkan bahagian yang tertutup pada wajah, manakala *tabarruj* memberi erti perbuatan seseorang wanita memperlihatkan bahagian pada badannya atau perhiasan yang ada padanya di hadapan para lelaki yang ajnabi.

Secara kesimpulannya, *tabarruj* merupakan perbuatan menunjuk sesuatu perhiasan yang ada badan seseorang terutama wanita yang dilakukan bagi menarik perhatian lelaki sama ada ada pada tubuh badannya, pakaian dan juga barang kemas atau sebarang perhiasan yang dipakai ketika bertemu dengan ajnabi. Cara berhias memberi kesan sosiologi kepada sesuatu masyarakat, seperti yang berlaku sejak zaman jahiliah lagi. Selain itu, seperti mana yang disebut oleh Yusuf al-Qardawi dalam Sarimah Binti Nordin (2016), beliau menerangkan bahawa pada zaman jahiliah, kebanyakan wanita pada zaman jahiliah keluar dengan memperlihatkan anggota-anggota badan yang wajib ditutup seperti dada, leher, rambut dan lain-lain. Perbuatan ini mengundang kepada bahaya terutamanya kepada lelaki fasik yang suka melakukan gangguan seksual kepada wanita. Menurut Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi dalam bukunya bertajuk *Wanita Dambaan Syurga*, dunia fesyen dan kehidupan seorang wanita tidak dapat dipisahkan ini kerana secara hakikatnya perempuan itu sendiri merupakan perhiasan dunia dan bertepatan dengan fitrah mereka untuk berhias. Selain itu, mengenai wanita sebagai perhiasan dunia ini juga turut disebut oleh Sarimah Binti Nordin (2016) dalam karangan beliau berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim seperti mana berikut:

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نَمِيرٍ الْهَمْدَانِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ حَدَّثَنَا حَيُّوَةُ أَخْبَرَنِي
 شَرْحَبِيلُ بْنُ شَرِيكَ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْحَبْلِيَّ يَحْدُثُ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ
 رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

Maksudnya:

“Telah menceritakan kepada ku [Muhammad bin Abdullah bin Numair Al Hamdani] telah menceritakan kepada kami [Abdullah bin Yazid] telah menceritakan kepada kami [Haiwah] telah mengkhabarkan kepada ku [Syurahbil bin Syarik] bahawa pernah mendengar [Abu Abdurrahman Al Hubuli] telah bercerita dari [Abdullah bin 'Amru] bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dunia adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah. (Sahih Muslim, Kitab *al-Riḍō*, Bāb *Khair Matā' Al-Duniā Al-Mar'ah Al-Ṣōlehah*, No: 1467)

Kedua, hijab juga digunakan untuk melambangkan imej dan kedudukan seseorang. Seperti mana yang dilihat pada zaman kini, golongan-golongan atasan mempunyai gaya pemakaian hijab yang tersendiri. Pemakaian hijab yang pelbagai ini didorong oleh beberapa faktor seperti keluarga, keturunan, kedudukan dan juga pengaruh. Ini sedikit sebanyak dapat membezakan antara golongan atasan dan golongan bawahan. Selain itu, antara faktor yang membezakan antara kedudukan seseorang itu juga ialah harga bagi sesebuah hijab tersebut. Malah pada zaman kini, harga menjadi ukuran dalam menilai seseorang yang bergelar Muslimah. Ini dapat menghasilkan diskriminasi di mana golongan yang kaya sahaja yang mempunyai gaya pemakaian tersendiri (Atik Catur Budiati 2011: 60).Sehubungan itu, ramai di kalangan wanita yang beralih memakai hijab dan menjadikannya sebagai satu pemakaian rasmi terutamanya dalam sesuatu pekerjaan. Justeru, maka tidak hairan sekiranya penggunaan hijab pada zaman moden ini mempunyai berbagai variasi seperti mengenakan hijab dengan seluar atau kemeja mengikut cara masing-masing tanpa memikirkan syariat menutup aurat. Menurut petikan daripada Malcolm Barnard: *'Busana Muslimah menjadi fesyen dan memakai jilbab mulai mencapai prestasi tertentu, ini kerana busana Muslimah atau jilbab mampu mengkomunikasikan hasrat menjadi orang modern yang soleh dan sekali gus menjadi Muslim modern.*

Maksud daripada petikan ini dapat difahami bahawa setiap pemakaian Muslimah ini melambangkan kepada prestasi tertentu seperti dalam bidang kerja dan kedudukan misalnya. Selain itu, dapat melambangkan sifat “keislaman” melalui pemakaian yang mengikut tuntutan *syar'ie* sejajar dengan gelaran “Muslim Moden”. Gaya pemakaian hijab juga semakin hari semakin kreatif dan bervariasi di mana penggunaan hijab dengan gaya memasukkan baki kain ke dalam baju untuk kelihatan lebih anggun. Ini menunjukkan bahawa pakaian dapat memberikan kesan psikologi kepada pemakainya (Anilatin Naira 2014: 3).

III. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, metode kepustakaan digunakan dengan penumpuan kepada pendekatan analisis dokumen-dokumen dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan hijab terutamanya yang memfokuskan kepada politik, kultur budaya dan agama dalam kalangan wanita Malaysia. Selain itu, pada pengumpulan data, *mu'jam* Arab yang muktabar akan dirujuk untuk melihat perbincangan para sarjana Islam mengenai sesuatu makna yang dibahaskan seperti kitab *Al-Qāmūs Al-Muhīt* yang di karang oleh Al-Fairūzabādiy, *Al-Hijāb* yang dikarang oleh Al-Maudūdiy dan juga hadis berkaitan dengan hijab seperti *Ṣaḥīḥ Muslim al-Musammā al-Musnan al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan* yang dikarang oleh Abī al-Husīn Muslim al-Hajjāj.

IV. HASIL KAJIAN

I. Perubahan Penggunaan Hijab

Pemilihan pakaian mempengaruhi kehidupan seseorang sama ada dari sudut cara berpakaian, gaya penampilan dan juga pemilihan warna. Menurut Allner (1997), cara dan warna pemakaian yang diaplikasikan di Amerika Syarikat sangat berkait rapat dengan agama seseorang individu. Dengan kata lain, seseorang itu ditentukan agamanya berdasarkan kepada cara dan warna pemakaiannya. Ini menunjukkan bahawa selain cara hidup, faktor pemakaian juga menjadi kayu ukur dalam menjustifikasikan identiti seseorang itu (Nazirah Lee 1985: 71). Selain itu, berdasarkan kepada petikan oleh Fareena Alam (2006), beliau mendefinisikan penggunaan hijab adalah seperti berikut: *'Penggunaan hijab di kalangan wanita Muslim di Eropah adalah gambaran identiti mereka sebagai penganut agama Islam dan komitmen mereka kepada agama tersebut.* Berdasarkan kepada petikan ini, dapat difahami bahawa wanita Muslim yang tinggal di Eropah mengenakan hijab sebagai lambang identiti mereka dan juga menunjukkan agama yang mereka anuti iaitu merupakan agama Islam. Tambahan pula, pemakaian juga merupakan satu simbol dalam penerimaan dan penolakan dalam sesuatu kumpulan. Berbeza pula dengan pandangan H. Ali (2006) di mana beliau berpendapat bahawa golongan wanita yang berhijab ini merupakan golongan yang tidak mampu untuk berintegrasi dengan masyarakat khususnya jika dia berada di negara Eropah seperti Britain, Amerika Syarikat, Perancis dan sebagainya. Selain itu, menurut Suriani Suratnam (2011), golongan wanita yang menetap di Singapura lebih memilih untuk tidak berhijab kerana sekiranya mereka berhijab, mereka dianggap masih terikat dengan identiti Melayu-Islam yang menghadkan kebebasan dan pemilihan pemakaian juga memberi kesan dalam pergaulan sosial mereka. Jelasnya, pakaian memberi kesan yang besar dalam menentukan sejauh mana penerimaan seseorang di dalam sesebuah kumpulan atau masyarakat. Ini kerana kesan yang diterima oleh golongan ini bukan sahaja melibatkan perkara harian, malah turut memberi kesan dalam urusan rasmi. Selain itu juga menurut Valarie Amiraux (2013) dalam kajian beliau, sentimen *Islamophobia* dan diskriminasi muncul kepada golongan Muslim yang berada di Eropah kerana penggunaan pemakaian seperti hijab, selendang dan purdah. Hal ini memberi kesan kepada pemakai tersebut dan menimbulkan tanggapan bahawa mereka akan dipulaukan dari penduduk negara tersebut (Nazirah Lee 1985: 73).

Menurut sejarah sosial yang telah berlaku di Malaysia, isu pakaian menjadi perhatian dan sering di besar-besarkan melalui sidang akhbar. Perkembangan nasionalisme Melayu telah mendorong masyarakat agar lebih peka terhadap penjagaan imej dan identiti Melayu itu sendiri. Sehubungan itu, telah berlaku perubahan pemakaian yang digunakan oleh masyarakat Melayu-Muslim pada masa kini dan berbeza dengan sebelumnya. Secara dasarnya, di Semenanjung Tanah Melayu bukan sahaja terdiri daripada golongan Melayu sahaja, malah terdapat juga bangsa lain seperti Arab, Cina, India Muslim dan sebagainya. Maka percampuran pelbagai budaya dalam masyarakat ini telah melahirkan pelbagai variasi pemakaian berasaskan kepada latar belakang kaum masing-masing. Berdasarkan budaya Islam Melayu, penggunaan 'kopiah' dan 'songkok' di kalangan lelaki merupakan simbol keagamaan dan selendang pula di gunakan bagi para wanita. Sekiranya mereka yang tidak mengamalkan pemakaian yang bercirikan keislaman, maka ciri-ciri keislaman itu akan pudar di mata masyarakat lain. Namun, segala bentuk pemakaian ini telah berubah dari semasa ke semasa di mana pemakaian yang diguna pakai pada ketika dahulu telah dianggap 'lapok' dan 'kuno' serta memerlukan kepada pembaharuan. Pembaharuan yang dilakukan itu sedikit sebanyak telah membuang nilai-nilai Islam terutamanya dalam soal penjagaan aurat dan penggunaan hijab. Pada masa yang sama, ini juga menunjukkan pemikiran sekular sudah mula tular di kalangan aktivis-aktivis agama. Penggunaan hijab hanya sekadar untuk kecantikan semata-mata, malah turut bertujuan untuk meraih pujian dan perhatian bagi masyarakat sekeliling (Nazirah Lee 1985: 73).

II. Hijab Dalam Kalangan Wanita Islam Malaysia

A. Hijab Dalam Perspektif Sosio Politik

Mengenai politik, sangat sedikit bilangan organisasi yang berteraskan kepada konsep Islam yang betul. Kebanyakan dari organisasi tidak menekankan kepada ajaran Islam melainkan ia berpunca daripada kesedaran diri sendiri. Kesan daripada ini, golongan sosialis semakin gigih dalam menentang dan memperkenalkan sesuatu yang baru yang bertentangan dengan ajaran Islam terutamanya berkenaan dengan hijab. Hijab pada masa kini digunakan oleh kerana ikutan seperti mengikut artis dan tujuan pemakaian hanyalah untuk mendapat populariti daripada masyarakat. Hal ini dapat menimbulkan pemikiran di kalangan masyarakat bahawa memperagakan hijab tidak menjamin seseorang mempunyai akhlak yang baik. Penggunaan hijab bukan sahaja difokuskan kepada pemakaiannya semata-mata, malah hijab ini juga mampu mencegah dari berpakaian seksi yang menampakkan dada. Selain itu, penggunaan hijab juga turut politikkan untuk mengagumi mata masyarakat. Sebagai contoh, seseorang pemimpin ingin mendekati sesebuah masyarakat yang majoritinya adalah beragama Islam, maka mereka menggunakan kaedah agama untuk mendekati dan mengambil hati rakyat. Ini merupakan kultur sosial politik yang sering berlaku termasuk di negara Malaysia. Hasil daripada pengamalan ini, lahirnya satu gerakan yang dikenali sebagai *Islamophobia*. Ini kerana, masyarakat yang bukan Islam terutamanya akan memandang serong kepada Islam dan tidak mustahil akan wujud pemikiran bahawa Islam ini hanya agama yang berpura-pura. Oleh kerana wujudnya golongan yang mempolitikkan soal agama, maka tidak mustahil akan muncul golongan yang cuba menentangnya (Zulkifli Hasan 2015: 6). Mengenai *Islamophobia* pula, ia merujuk kepada perasaan kebimbangan dan takut kepada Islam. Ia juga turut disebut dengan istilah lain seperti *anti-Islamic phenomena* tetapi *Islamophobia* ini lebih kerap digunakan. Secara umumnya, *Islamophobia* ini adalah rasa fobia atau kebimbangan terhadap ajaran Islam, penganut, budaya dan apa sahaja yang ada hubung kait dengan Islam. Kenyataan ini juga disokong dengan bukti laporan berdasarkan kepada laporan Runnymede di London bertajuk *Islamophobia: A Challenge for Us All* yang secara khusus menyatakan bahawa:

“Islam is perceived as a monolithic block, static and unresponsive to change; it is viewed as separate and ‘other’, it does not have values in common with other cultures, is not affected by them and does not influence them. Islam is seen as inferior to the West; it is considered barbaric, irrational, primitive and sexist; Islam is seen as violent, aggressive, threatening, and supportive of terrorism and engaged in a ‘clash of civilizations” (Zulkifli Hasan 2015: 6). Manifestasi *Islamophobia* adalah satu situasi di mana persepsi negatif, kebimbangan dan kebencian kepada Islam itu disampaikan dalam bentuk intelektual seperti dalam bentuk karya yang berilmiah. Dari sudut politik, seperti mana yang berlaku di Switzerland, terdapat golongan yang di pelopori oleh Daniel Streich di mana undang-undang yang sedia ada telah di pinda untuk mengharamkan pembinaan masjid. Pindaan ini telah membangkitkan kemarahan kaum Muslim di sana bahkan di kecam oleh NGO kerajaan dan juga bukan kerajaan seperti Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *Amnesty international*. Pindaan ini sokong pula oleh gerakan anti Islam di Belanda yang di ketuai Geert Wilders yang memusuhi Islam atas dasar politik dan populariti. Rumusan daripada ini dapat dilihat bahawa isu agama dapat di politikkan atas tujuan tertentu. Penggunaan hijab pada awalnya merupakan satu syariat yang telah diperintahkan. Namun, sekiranya dipolitikkan, ia memberi kesan yang buruk kepada agama Islam dan nilai syariat itu akan hilang. Ini yang membuatkan sesetengah di kalangan orang bukan Islam benci dan memandang serong kepada agama Islam. Menurut mereka, jika hijab adalah sesuatu yang telah di syariat kan di dalam agama boleh dipolitikkan, ini menggambarkan sikap kepatuhan kepada sesuatu perintah telah di abaikan dan secara tidak langsung, ia menjatuhkan martabat Islam itu sendiri.

B. Hijab Berdasarkan Perspektif Sosio Budaya

Menurut hasil penelitian, trend ini bermula hasil daripada ideologi barat dan ‘diislamisasikan’ untuk kepentingan pengguna. Sebagai contoh adalah dalam penggunaan pakaian yang berjenama misalnya. Pada awal penggunaannya, ramai di kalangan para wanita Islam tidak mengambil peduli, namun apabila fesyen yang semakin hari semakin moden, maka akan timbul perasaan bahawa wanita Islam perlukan perubahan yang lebih baik dan ke arah kemodenan mula muncul. Ini akan menghasilkan perasaan dan minat kepada sesuatu yang lebih berfesyen dan berjenama. Perkara

ini bukan merujuk kepada golongan muda sahaja, tetapi ia akan memberi satu impak yang besar kepada golongan yang berusia. Mengikuti kajian yang dijalankan oleh Rokiah Ismail (2003: 12), kecenderungan remaja memilih untuk berpakaian mengikut budaya barat kerana fesyen yang diperkenalkan di negara Barat lebih menarik. Hasil kajian beliau menunjukkan sebanyak 92.5% lebih bervariasi, lebih *fashionable* dan mudah dipakai mengikut cara masing-masing. Selain itu, kebanyakan di kalangan wanita lebih tertumpu kepada pakaian yang mempunyai jenama. Ini kerana sesuatu jenama yang terkemuka akan membuatkan mereka lebih popular dan boleh di gunakan di mana-mana. Berbeza dengan hijab yang tidak mempunyai jenama. Sesetengah daripada golongan wanita malu untuk memperagakannya atas dasar tidak berjenama. Terdapat juga golongan yang tidak mementingkan kepada jenama kerana sudah mencukupi sekiranya hijab itu memberi keselesaan, kelihatan sopan dan menarik berbanding yang berjenama. Maka rumusan daripada ini, kita dapat melihat bahawa perkembangan dunia fesyen ini akan memberi kesan kepada golongan lain untuk kelihatan lebih moden dan tidak terikat dengan dunia fesyen lama dan kuno. Pada masa yang sama, untuk menutup sifat kemodenan tersebut, maka hijab dijadikan salah satu konsep 'islamisasi' di mana penggunaan dan cara berpakaian hijab itu diubah suai untuk kelihatan lebih islamik.

C. Hijab Dalam Kultur Sosio Agama

Bertepatan dengan kemodenan sesebuah negara, tidak mustahil akan terlahir beberapa golongan yang menggunakan hijab berdasarkan kepada perkara tertentu. Perkara ini dapat di bahagikan kepada tiga kategori. Pertama wanita yang menggunakan hijab secara berterusan. Golongan ini terlahir disebabkan sikap sedar diri yang tinggi untuk memastikan diri sentiasa tertutup, dilindungi dan mengikut suruhan agama dengan pemakaian Muslimah yang merupakan tujuan pemakaian hijab serta kesedaran yang terlahir bagi setiap individu mengenai kepentingan menutup aurat. Kedua, penggunaan hijab mengikut adat. Golongan ini mengenakan hijab atas dasar mengikut adat setempat dan aktiviti-aktiviti tertentu. Sebagai contoh, artis di Malaysia sendiri menggunakan hijab jika menghadiri acara-acara ritual keagamaan. Sedangkan, penggunaan hijab dalam kehidupan seharian tidak dijadikan satu kewajipan. Ketiga, penggunaan hijab atas dasar aturan dari pihak tertentu seperti kewajipan menggunakan hijab bagi mahasiswi untuk menghadiri kuliah. Hasil daripada pemerhatian ini, dapat kita simpulkan golongan-golongan ini wujud kerana berlatarkan latar belakang yang berbeza. Bagi golongan pertama, golongan ini telah didedahkan dengan konsep penutupan aurat sama ada dengan cara menghadiri kuliah-kuliah ataupun berdasarkan didikan daripada ibu-bapa sejak kecil di mana penggunaan hijab itu bukan ikutan dalam sesebuah masyarakat, tetapi merupakan salah satu syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Golongan kedua pula, mereka masih mempunyai keimanan tapi belum sempurna di mana mereka masih ragu-ragu dalam konsep penutupan aurat dan penggunaan hijab dalam kehidupan seharian. Selain itu, golongan ini juga boleh di erti kan sebagai golongan *mualaf* kerana sifat kebaruannya dalam memeluk agama Islam menimbulkan perasaan tidak yakin dan berani untuk menonjolkan diri mereka dalam keadaan berhijab. Golongan ketiga pula yang 'acuh tidak acuh' dalam bersikap liberal terhadap penggunaan hijab. Bagi mereka penggunaan hijab ini hanyalah bersifat pasif dan digunakan dalam fungsi-fungsi tertentu sahaja. Maksud penggunaan hijab itu bukan untuk menutupi aurat tapi mengikuti tren semasa. Malah penggunaan hijab juga boleh disifatkan untuk menarik perhatian lelaki dengan cara memakainya secara *tabarruj*. Banyak peristiwa di mana bersangkut paut dengan wanita yang berlagak alim semata-mata untuk menutupi segala kejahatan yang di lakukan. Perbuatan seperti ini telah menjadi kebiasaan umum dalam kalangan masyarakat pada masa kini (Ainurrofique Dawam 2007: 373).

D. Aurat Wanita Menurut Perspektif Islam

Perkataan aurat berasal dari bahasa Arab yang bermaksud celah, kekurangan, sesuatu yang memalukan, atau sesuatu yang dipandang buruk dari anggota di mana dapat menimbulkan perasaan malu jika di lihatnya. Terdapat juga di dalam al-Quran di mana perkataan aurat di sebut sebanyak empat kali dan dua kali dalam bentuk tunggal dan dua kali dalam bentuk jama'. Dalam al-Quran, surah al-Ahzab ayat 13 disebut dengan kalimah tunggal manakala di sebut *jama'* dalam surah al-Nūr 24: 31. Menurut disiplin ilmu fiqh, perkataan aurat memberi maksud anggota tubuh manusia yang akan menimbulkan perkara buruk atau malu jika dilihat dan boleh mengancam keselamatan seseorang jika didedehkannya pada khalayak ramai serta dapat menimbulkan hawa nafsu jika memandangnya. Oleh karena itu, majoriti ulama fiqh telah menetapkan bahawa aurat wajib ditutup dari pandangan orang dengan pakaian yang tidak tembus pandang dan tidak menampakkan bentuk tubuh. Batasan mengenai aurat telah ditetapkan oleh para ulama iaitu bagi golongan lelaki, auratnya bermula daripada pusat hingga ke lutut manakala aurat bagi wanita ialah seluruh badannya kecuali muka dan tapak tangan. Menurut Muhammad al-Khotib, aurat wanita merdeka adalah seluruh tubuhnya kecuali wajah dan telapak tangannya (termasuk bagian punggung dan bagian telapak tangan hingga pergelangan tangan) (M. Nasir 2014: 124-126). Beliau berpendapat sedemikian kerana berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nūr ayat ke 31 bermaksud: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman

supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Menurut Ibnu Qasim Al Ghozzi, aurat bagi wanita merdeka di dalam solat adalah seluruh tubuhnya kecuali wajah dan telapak tangan. Dan aurat bagi di luar solat menurut beliau adalah seluruh tubuh. Manakala aurat wanita jika dia berada dalam bersendirian adalah sama seperti aurat lelaki iaitu lutut hingga ke pusat (M. Nasir 2014: 124-126). Selain itu juga perkataan aurat juga merupakan perkataan dari bahasa Arab iaitu (عور) yang bermaksud tiada perasaan. Jika di definisikan kepada mata ia akan memberi maksud “maka mata itu tiadalah cahayanya”. Tetapi secara umumnya ia lebih kepada maksud sesuatu yang tidak baik dan menimbulkan malu serta mengecewakan. Mengikuti pendapat lain juga, perkataan aurat itu datang dari perkataan (عار) yang bermaksud menutup dan menimbun sebagai contoh “menutup mata air dan menimbunnya. Ini membawa maksud bahawa aurat itu adalah sesuatu yang ditutup sehingga tidak dapat dilihat dan dipandang. Selain itu juga, aurat juga berasal dari perkataan (اعور) yang memberi maksud sesuatu yang jika dilihat akan mencemarkan. Oleh itu makna aurat di sini ialah sesuatu yang harus ditutup dan di jaga hingga tidak menimbulkan kekecewaan dan malu. Menurut istilah, aurat ialah sesuatu di mana dapat menimbulkan nafsu syahwat, membangkitkan nafsu dan dalam erti kata lain sesuatu anggota badan yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang bukan mahram melihatnya. Dengan itu, makna aurat secara literal nya ialah “celahan, kekurangan dan merupakan sesuatu yang memalukan jika mendedahkannya. Dan apabila dihubungkan dengan perempuan, bermakna aurat adalah membincangkan tentang perempuan dari seluruh aspek jasmani perempuan (Umi Faridhoh 2016: 21-22). Pengertian aurat menurut bahasa telah disebut oleh Amru (1997) sebagai kekurangan pada gigi hadapan dan juga pada bahagian lain. Selain itu, istilah aurat diperihalkan sebagai setiap kekurangan yang dibimbangi terdedah. Pengertian aurat ini juga turut telah dibincangkan dalam bab sebelumnya iaitu berdasarkan kitab *Al-Sihhah fi Al-Lughah* dan *Al-Qāmūs Al-Waṣīf*, perkataan tersebut didefinisikan sebagai suatu keburukan atau aib yang ada pada seseorang manusia dan juga apa-apa perkara yang memalukan dari sudut insani.

كل مكنن للستر والسوأة.

Maksudnya: Setiap perkara tersorok yang ditutup daripada sebarang keburukan.

Amru (1997) juga telah menyimpulkan makna aurat dari sudut istilah dengan setiap sesuatu yang wajib untuk ditutupi daripada bahagian badan daripada pandangan mata manusia dan tidak boleh dilihat. Beliau juga menambah perihalan mengenai aurat wanita yang mempunyai pelbagai cabang iaitu ketika bersama ajnabi dan juga bersama wanita lain, wanita muslimah bersama wanita bukan Islam dan konteks seorang isteri bersama suami dan lelaki lain iaitu yang mahram dan juga bukan mahram. Selain itu juga, terdapat hadis yang di riwayatkan oleh Rasulullah S.A.W. tentang aurat malah terdapat banyak hadis bercakap mengenainya. Antaranya ialah:

قَالَ يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصَلِحْ أَنْ يَرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى
وَجْهِهِ وَكَفِّهِ

Maksudnya:

Wahai Asma’, sesungguhnya seorang wanita, apabila telah baligh (mengalami haid), tidak layak tampak dari tubuhnya kecuali ini dan ini (seraya menunjuk muka dan telapak tangannya”).

E. Pandangan Ulama Tentang Aurat Wanita Berdasarkan Dalil Al-Quran Dan Sunnah

Ulama secara majoritinya telah bersepakat bahawa hukum menutup aurat adalah wajib dan banyak sekali dalam al-Quran Allah SWT memerintahkan agar menutup aurat. Tidak kurang juga banyak hadis-hadis yang diriwayatkan mengenai perkara tersebut. Walaupun berlaku khilaf di antara ulama akan tetapi khilaf itu hanya pada bahagian yang terdedah seperti wajah dan telapak tangan. Tetapi menutup seluruh badan adalah wajib mengikut kesemua pendapat.

1. **Mazhab Syafi'e:**

Menurut apa yang di perkatakan oleh An-Nawai dan Al-Khathib asy-Syirbini, bagi perempuan yang merdeka aurat mereka adalah seluruh tubuh kecuali pada muka dan tapak tangan sahaja (bahagian atas, luar dan bawah serta dalam) sehingga kepada pergelangan tangan. Dan Imam Al-Muzani menambahkan lagi bahawa kedua telapak kaki tidak termasuk dalam aurat yang wajib di tutup (Ma'rifa Muhaimin 2008: 16)

2. **Mazhab Hanafi:**

Imam Al-Marghinani yang merupakan salah seorang mazhab Hanafi juga mengatakan bahawa seorang perempuan yang telah merdeka aurat mereka adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan. Dan turut mengatakan bahawa telapak kaki bukan lah termasuk dalam aurat yang wajib ditutup (Ma'rifa Muhaimin 2008: 17)

3. **Mazhab Maliki:**

Berbeza dengan mazhab Hanafi dan Syafi'e di mana hanya mempunyai satu pendapat sahaja, mazhab Maliki terdapat dua pendapat di mana mengatakan aurat wanita merdeka muka dan telapak tangan bukan la aurat akan tetapi mengikut pandangan Imam Muhammad Bin Abdullah al-Maghribi sekiranya perempuan itu merasa khawatir terjadinya fitnah, ia harus menutup muka dan kedua telapak tangannya (Ma'rifa Muhaimin. 2008: 17)

4. **Mazhab Hanbali:**

Mengikut mazhab ini pula, perempuan merdeka wajib menutup seluruh tubuhnya termasuk muka dan telapak tangan tanpa pengecualian dan di benarkan buka atas keperluan tertentu sahaja akan tetapi majoriti mazhab Hanbali mewajibkan bahawa wanita untuk menutup aurat termasuk la ketika solat (Ma'rifa Muhaimin. 2008:17).

Ini jelas menunjukkan bahawa kesepakatan empat mazhab dalam hukum wajib menutup aurat walau apa jua keadaan. Di samping berdasarkan dalil daripada al-Quran, mereka juga berpandukan kepada hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Ini bertentangan dengan pendapat sebahagian golongan orientalis dan golongan Islam liberal yang hanya berpegang kepada salah satu seperti berpegang kepada al-Quran atau hadis sahaja. Mereka turut mendakwa bahawa pentafsiran al-Quran dan al-Sunnah perlu di lakukan semula kerana tidak bertepatan dengan keadaan zaman sekarang. Berdasarkan kepada penelitian terhadap penggunaan hijab ini, dapat dilihat bahawa penggunaan hijab pada zaman kini lebih menjurus kepada budaya populariti dan arah trend masa kini. Konsep penggunaan hijab yang telah digariskan oleh syariat semakin lama semakin diabaikan. Walaupun penggunaan hijab itu masih digunakan dalam kalangan wanita khususnya di Malaysia, namun cara dan konsep penggunaannya masih tidak memenuhi syarat dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Walaupun dunia kini telah berjaya menuju ke arah kemajuan dan kemodenan, namun konsep syariat khususnya dalam penggunaan hijab juga perlu diutamakan. Hasil daripada perkembangan ini, sedikit sebanyak menyebabkan konsep sebenar penggunaan hijab itu diabaikan. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan penggunaan hijab kian diabaikan seperti tujuan utamanya ialah memfokuskan kepada populariti dan juga faktor ekonomi. Pada masa kini, kestabilan ekonomi memainkan peranan yang penting kepada masyarakat khususnya bagi masyarakat Malaysia. Faktor kewangan menjadi salah satu punca sesuatu syariat itu turut diabaikan. Fenomena hijab sekarang telah berada pada tahap membimbangkan di mana konsep pensyariatian telah semakin pupus bagi wanita Islam Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masih wujud golongan yang mematuhi syariat dalam penggunaan hijab namun terdapat juga golongan yang tidak mematuhi konsep pemakaian sebenar hijab tersebut. Di samping itu, faktor-faktor lain seperti politik perlu memainkan peranan yang penting dalam perkara ini kerana terdapat juga sebahagian daripada kalangan masyarakat yang menjadikan ahli politik sebagai contoh ikutan. Sekiranya golongan tersebut menerapkan konsep syariat yang betul, maka secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat yang turut mematuhi konsep syariat dengan betul khususnya berkenaan dengan penggunaan hijab. Oleh itu pendedahan kepada penggunaan konsep hijab yang sebenar perlu diterangkan dari

awal bagi mengelakkan daripada wujudnya fenomena baru yang berunsurkan negatif pada masa yang akan datang.

V. KESIMPULAN

Kesimpulannya, Berdasarkan kepada penelitian terhadap penggunaan hijab ini, dapat dilihat bahawa penggunaan hijab pada zaman kini lebih menjerus kepada budaya populariti dan arah trend masa kini. Konsep penggunaan hijab yang telah digariskan oleh syariat semakin lama semakin diabaikan. Walaupun penggunaan hijab itu masih digunakan dalam kalangan wanita khususnya di Malaysia, namun cara dan konsep penggunaannya masih tidak memenuhi syarat dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Walaupun dunia kini telah berjaya menuju ke arah kemajuan dan kemodenan, namun konsep syariat khususnya dalam penggunaan hijab juga perlu diutamakan. Hasil daripada perkembangan ini, sedikit sebanyak menyebabkan konsep sebenar penggunaan hijab itu diabaikan. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan penggunaan hijab kian diabaikan seperti tujuan utamanya ialah memfokuskan kepada populariti dan juga faktor ekonomi. Pada masa kini, kestabilan ekonomi memainkan peranan yang penting kepada masyarakat khususnya bagi masyarakat Malaysia. Faktor kewangan menjadi salah satu punca sesuatu syariat itu turut diabaikan. Fenomena hijab sekarang telah berada pada tahap membimbangkan di mana konsep pensyariatian telah semakin pupus bagi wanita Islam Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masih wujud golongan yang mematuhi syariat dalam penggunaan hijab namun terdapat juga golongan yang tidak mematuhi konsep pemakaian sebenar hijab tersebut. Di samping itu, faktor-faktor lain seperti politik perlu memainkan peranan yang penting dalam perkara ini kerana terdapat juga sebahagian daripada kalangan masyarakat yang menjadikan ahli politik sebagai contoh ikutan. Sekiranya golongan tersebut menerapkan konsep syariat yang betul, maka secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat yang turut mematuhi konsep syariat dengan betul khususnya berkenaan dengan penggunaan hijab. Oleh itu pendedahan kepada penggunaan konsep hijab yang sebenar perlu diterapkan dari awal bagi mengelakkan daripada wujudnya fenomena baru yang berunsurkan negatif pada masa yang akan datang.

Rujukan

1. Al-Fairūzabādiy, Muhammad bin Ya'kub. 2005. *Al-Qāmūs Al-Muhīt*. Beirut: Muassasah Al-Risālat.
2. Al-Maudūdiy, Abu Al-'a'lā. 2009. *Al-Hijāb*. Mesir: Sharikah Dār Nahr Al-Nīl
3. Al-Naisābūrī, Abī al-Husn Muslim al-Hajjāj. 2006. *Ṣaḥīḥ Muslim al-Musannā al-Musnan al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan*. Jil. 1. Abū Qutaybah Nazri Muhammad al-Fāryābī (pnyt.). Riyād: Dār Toyyibah.
4. Al-Subkiy, Muhammad Abdul Latīf & Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid. 2010. *Al-Mukhtār min Siḥḥāh Al-Lughah*. Qāherah: Matba'ah Al-Istiqāmat.
5. Al-Sijstānī, Abī Dāud Sulaymān ibn al-Ash'ath. 1996. *Sunan Abī Dāud*. Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Khālidī (pnyt.). Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
6. Abu Zaid, Bakar bin Abdullah. 2005. *Hirāsatu Al-faḍīlat*. Riyadh: Dār al-'Āṣimah Li Al-Nashar wa Al-Tawzī'
7. Atik Catur Budiati. 2011. *Jilbab gaya Hidup Kaum Hawa*. *Jurnal Sosiologi Islam*. 1:1-12.
8. Anilatin Naira. 2014. *Makna Budaya Pada Jilbab Modis*. *Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Brawijaya*. 1-15.
9. Ainurrofiq Dawam. 2007. *Jilbab Dalam Perspektif Sosial Budaya*. *Jurnal Inovatif* 6: 365-377.
10. Farahwahida Binti Mohd Yusof & Nur Afzan Bin Muhammad. 2010. eprints.utm.my : *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan di Kalangan Masyarakat*. <http://eprints.utm.my/id/eprint/11656/> (20 April 2018)
11. Heriyanti. 2017. *Aspek Hukum Penggunaan Jilbab Dalam Perspektif Hukum Islam(Studi Pemikiran Wahdah Islamiyah)*. Tesis Fakultas Syariah Dan Hukum UIN Alauddin Makassar
12. Intan Maylani Sabrina Dewintari, Sunarto & Wiwid Noor Rakhmad. 2015. Neliti.com : *Analisis Isi Sikap Majalah Hijabella Mengenai Fenomena Perkembangan Hijab*. <https://www.neliti.com/id/journals/interaksi-online> (25 April 2018)
13. Ibnu Manzūr, Muhammad bin Mukram. 2010. *Lisān Al-'arab*. Darul Sadir-Beirut.
14. Ma'rifa Muhaimin. 2008. *Aurat Dalam Perspektif Ulama Mazhab Dan Relevansinya Dengan Masa Kini*. Tesis Dari Fakultas Syariah Dan Hukum Universitas Negeri Syarif Hidayatullah
15. M. Nasir. 2014. *Fikih Aurat Wanita Studi Kritis Nalar Fikih Feminis Muslim Tentang Hijab*. Tesis dari Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
16. Mohd Roslan Mohd Nor. 2011. *Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden*. *Jurnal Al-Tamadun*, 6: 107-121.
17. Nazirah bte Lee. 1985. *Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940*. *Jurnal Perspektif* 6:68-80.
18. Rokiah Ismail. 2003. *Fesyen Pakaian Remaja Mengapa Perlu Rangi*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran 2003.hln. 20-45.
19. Sarimah Binti Nordin. 2016. *Fenomena Tabarruj Masa Kini Dalam Kalangan Wanita Muslimah*. *Proceedings Of The International Conference On Education Towards Global Peace 2016*. Hln. 1-15.
20. Syarifah Habibah. 2014. *Sopan Santun Berpakaian Dalam Islam*. *Jurnal Pesona Dasar* 2: 65-78.
21. Ummir Rodliyah. 2014. *Epistemologi Penafsiran Ayat-Ayat Ahkam Analisis Komparasi: Muhammad Ali as-Shabumi dan Muhammad Syahrur*. Prosiding Halaqah Nasional & Seminar International Pendidikan Islam 2014, hlm. 247-260.
22. Umi Faridhoh. 2016. *Perempuan Adalah Aurat*. Tesis Dari Fakulti Ushuluddin UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

